

## BAB 6

### KATA KERJA BAHASA MELAYU

#### 6.0 PENDAHULUAN

Kata kerja ialah perkataan yang mengandungi perbuatan atau menunjukkan keadaan perbuatan. Perbuatan ialah aktiviti yang terkandung dalam perkataan seperti ‘menulis’, ‘berlari’ dan keadaan terkandung dalam perkataan seperti ‘berfikir’ dan ‘tidur’. Kata kerja BM merupakan perkataaan yang menjadi inti bagi binaan atau konstruksi frasa kerja. Frasa kerja terdiri daripada kata kerja yang boleh disertai beberapa unsur lain seperti kata bantu, objek, pelengkap, ayat komplemen dan keterangan. Beberapa contoh ayat yang mengandungi predikat frasa kerja adalah seperti yang berikut:

1. Ali *tidur*.
2. Mereka sedang *membaca* buku.
3. Adik Fatimah bermain di padang.
4. Pemandu itu *membelok* ke kanan.
5. Peristiwa itu *disaksikan* oleh dua ratus orang.

Dalam kelima-lima ayat di atas, kata kerja masing-masing ialah *tidur* dalam ayat (1), *membaca* dalam ayat (2), *bermain* dalam ayat (3), *membelok* dalam ayat (4), dan *disaksikan* dalam ayat (5).

Seterusnya, penerangan mengenai kata kerja BM adalah berdasarkan huraian oleh Asmah Hj.Omar (2008) dalam *Ensiklopedia Bahasa Melayu*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **6.1. KATEGORI GRAMATIS KATA KERJA BAHASA MELAYU**

Kata kerja BM tidak berinfleksi pada kategori gramatis seperti perorangan (*person*), mahupun pada nombor (*number*), dan juga tidak dipengaruhi oleh sistem kala, sebaliknya diwakili oleh adverba masa (seperti *semalam*) atau oleh kata kerja penunjuk kala, seperti *sudah* dan *belum*. Sebaliknya, terdapat satu sistem yang kompleks imbuhan kata kerja untuk memberikan nuansa makna dan mewakili *voice* atau *mood* sengaja dan tidak sengaja. Walaupun imbuhan-imbuhan ini seringkali diabaikan dalam pertuturan sehari-hari, Asmah Hj Omar (2008, phlm.123-127) telah menambah bahawa kumpulan kata ini bersama dengan kumpulan kata perbuatan biasanya digolongkan sebagai kata kerja leksikal sebagai lawan kata kerja bantu.

### **6.1.1 Kata Kerja Leksikal**

Menurut Asmah Hj Omar (2008, hlm.123), kata kerja leksikal ialah kata kerja yang maknanya boleh ditakrifkan dengan merujuk kepada benda-benda di luar nahu. Dengan demikian, kata *makan* sebagai kata kerja leksikal boleh ditakrifkan sebagai *perbuatan memasukkan makanan ke dalam mulut, dikunyah dan kemudiannya ditelan untuk mencegah kelaparan*. Kata kerja leksikal yang menunjukkan perbuatan boleh dibahagikan kepada berbagai-bagai sub-golongan, mengikut jenis perbuatan atau tindakan yang dirujuknya.

Oleh kerana itu, ada perbuatan sengaja sebagai lawan perbuatan tak sengaja, perbuatan seketika sebagai lawan perbuatan berterusan, perbuatan menyaling sebagai lawan perbuatan tak menyaling, dan seterusnya.

Perbezaan pada pasangan-pasangan ini sebahagian besarnya dapat dilihat dari segi imbuhan yang digunakan.

Pembahagian kata kerja leksikal boleh dilakukan antara lain berdasarkan nahu, misalnya dengan melihat kepada jenis-jenis ayat yang menggunakannya. Oleh itu, terdapat kata kerja transitif sebagai lawan kata kerja tak transitif, dan kata kerja aktif (tidak mengambil *di-* sebagai lawan kata kerja pasif (mengambil *di-*).

### **6.1.1.1      Kata Kerja Transitif**

Kata kerja transitif ialah kata kerja yang boleh disambut oleh kata nama. Misalnya, dalam ayat *Saya makan nasi*, kata kerja *makan* boleh disambut oleh kata nama *nasi*. Dengan itu, kata kerja *makan* digolongkan sebagai kata kerja transitif, dan *nasi* sebagai objeknya.

Sementara itu, Nik Safiah Karim, et al. (2004, hlm. 143) membahagikan kata kerja transitif kepada dua jenis, iaitu kata kerja transitif yang berfungsi dalam ayat aktif dan kata kerja transitif yang berfungsi dalam ayat pasif. Untuk memudahkan rujukan, kata kerja-kata kerja ini akan disebut sebagai kata kerja transitif aktif dan kata kerja transitif pasif. Kata kerja transitif aktif ialah kata kerja yang menerima awalan *meN-* dengan atau tanpa akhiran *-kan* atau *-i*. Kata kerja dalam ayat 1 hingga 5 ialah contoh kata kerja transitif aktif.

1. Murid-murid sedang *membaca* buku
2. Saya telah *menjawab* surat itu.
3. Pegawai itu tidak *mengabaikan* tugasnya.
4. Kami *makan* ayam goreng di restoran itu.
5. Dia *memasukkan* surat itu ke dalam sampulnya.

(Nik Safiah Karim, et al., 2004, hlm.143)

Kata kerja transitif pasif ialah kata kerja hasil daripada proses transformasi atau perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif. (i)-(v), apabila dipasifkan menjadi seperti berikut:

- i. Buku sedang *dibaca* oleh murid-murid
- ii. Surat itu telah saya *jawab*
- iii. Tugasnya tidak *diabaikan* oleh pegawai itu.
- iv. Ayam goreng yang kami *makan* di restoran itu.
- v. Surat itu *dimasukkannya* ke dalam sampulnya.

(Nik Safiah Karim, et al. 2004, hlm.143)

#### **6.1.1.2 Kata Kerja Tak Transitif**

Kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang tidak dapat menerima objek. Misalnya, *pergi, datang, pulang, mandi, bangun, menangis* dan *berbaring*.

Nik Safiah Karim et al. (2004, hlm.140-141) telah membahagikan kata kerja tak transitif ini kepada dua subgolongan seperti berikut:

- a) Kata kerja tak transitif tanpa pelengkahlm.

Kata kerja tak transitif tanpa pelengkap ialah kata kerja yang boleh berdiri sendiri tanpa objek atau penyambut seperti dalam contoh-contoh yang berikut:

- I. Semua orang *pulang*.
- II. Adik saya masih *tidur*.
- III. Padi sedang *menguning*.
- IV. Pemuda itu *tersenyum*.
- V. Mereka asyik *berbual*.

Kesemua ayat di atas terdiri daripada subjek dan kata kerja yang berdiri sendiri tanpa pengantungan kepada unsur-unsur lain untuk melengkapkan makna atau maksud ayat.

b) Kata kerja tak transitif berpelengkap

Kata kerja tak transitif berpelengkap ialah kata kerja yang mesti diikuti oleh pelengkap untuk menyempurnakan maksud ayat. Unsur pelengkap ini hendaklah dibezakan daripada objek atau penyambut kerana objek atau penyambut hanya hadir selepas kata kerja transitif dan boleh pula mengalami proses pasif. Pelengkap ialah unsur yang hadir selepas kata kerja tak transitif untuk menyempurnakan maksud ayat. Ayat yang mengandungi pelengkap tidak boleh dipasifkan. Contoh kata kerja tak transitif berpelengkap adalah seperti berikut:

- VI. Keadaan bapanya *beransur* baik.
- VII. Mereka tidak *berbuat* jahat.
- VIII. Mereka tinggal di Kampung Paya.
- IX. Pengembara itu *berselimutkan* embun.
- X. Dia *menjadi* guru.

Dalam ayat-ayat di atas, perkataan yang condong itu ialah kata kerja tak transitif, sementara unsur yang mengikuti ialah pelengkahlm. Sekiranya pelengkap digugurkan ayat-ayat yang terhasil tidak sempurna seperti berikut:

- VIa. Keadaan bapanya *beransur*.
- VIIa. Mereka tidak *berbuat*.
- VIIIa. Mereka *tinggal*.
- IXa. Pengembara itu *berselimutkan*.
- Xa. Dia *menjadi*.

### **6.1.1.3            Kata Kerja Aktif**

Kata kerja aktif ialah kata kerja yang menunjukkan adanya pelaku yang disebut sebelum kata kerja.

- i.     Saya *makan* nasi.
- ii.    Dia *pergi* ke sekolah

Misalnya, *makan* dan *pergi* dalam ayat di atas adalah kata kerja aktif, dengan adanya pelaku *Saya* dan *Dia* yang jelas sebelum perbuatan-perbuatan berkenaan. Kata kerja yang dibentuk dengan awalan *meN-*, *meN-kan*, *mempeR-* dan *beR-*, sementara *teR-* adalah kata kerja aktif.

### **6.1.1.4            Kata Kerja Pasif**

Kata kerja pasif biasanya ditandai dengan awalan *di-*, *di-i*, dan *di-kan*. Dalam ayat, kata kerja ini didahului oleh objek dan diikuti oleh pelaku.

- i.     Nasi *dimasak* (oleh) emak.

Misalnya dalam contoh ayat di atas, kata *Nasi* adalah objek, dan *emak* adalah pelaku. Dalam ayat ini, *oleh* boleh digunakan atau boleh digugurkan mengikut selera pengguna bahasa. Berdasarkanuraian di atas, kata kerja pasif juga adalah kata kerja transitif.

## **6.2        MORFOLOGI KATA KERJA**

Kata kerja boleh terdiri daripada kata selapis, kata terbitan, kata ganda dan kata majmuk.

### **6.2.1   Kata Kerja Selapis**

Kata kerja selapis termasuk dalam golongan ini adalah kata-kata seperti *pergi*, *datang*, *mandi*, *tidur*, *mimpi*, *masuk* dan sebagainya. Kata kerja ini tidak mengambil sebarang imbuhan dalam penggunaannya dalam ayat dengan maksud seperti yang terdapat dalam

takrifnya. Walau bagaimanapun, kata kerja seperti yang tersebut di atas boleh diberi imbuhan dengan tujuan menerbitkan kata-kata lain yang maknannya berlainan dengan kata dasar tetapi masih berkaitan dengannya. Misalnya, kata *pergi* boleh diberi imbuhan kata nama *peN-an* dan dengan itu menerbitkan kata nama *pemergian*. Kata *datang*, apabila diberi imbuhan *meN-i* menghasilkan *mendatangi*, yang boleh digolongkan sebagai kata kerja terbitan.

### **6.2.2 Kata Kerja Terbitan**

Kata kerja terbitan boleh terdiri daripada kata dasar yang merupakan kata kerja, kata bilangan, kata nama dan adjektif. Syarat utama ialah imbuhanya, baik awalan maupun akhiran, adalah imbuhan kata kerja seperti contoh-contoh berikut:

mendatangi	datang ke
mengairi	memasukkan air ke sawah
membukakan	membuka untuk seseorang
menjatuhkan	menyebabkan jatuh
mengetinkan	memasukkan sesuatu ke dalam tin untuk mengawetkannya
menyatukan	menjadikan satu
mencantikkan	menjadikan cantik
memanjangkan	menjadikan panjang

#### **6.2.2.1 Awalan Kata Kerja**

Awalan kata kerja adalah *beR-*, *meN-*, *teR-*, dan *di-*.

*beR-* Awalan *beR-* mempunyai alomorf *ber-*, *bel-*, dan *be-*. Alomorf *bel-* terbatas penggunaannya kepada kata *belajar*.

Kata kerja *ber-* membawa makna perbuatan, dalam pengertian yang berbeza-beza:

- i. perbuatan yang dilakukan dengan orang lain,
- ii. perbuatan yang dilakukan ke atas diri sendiri,
- iii. perbuatan yang dilakukan sebagai satu kebiasaan.

Perbuatan yang dilakukan dengan orang lain tergambar dalam contoh seperti *berbual, bergurau, berkelahi, berbahas, berbincang, berhujah*.

perbuatan yang dilakukan ke atas diri sendiri dinamakan juga perbuatan refleksif.

Contoh-contoh adalah seperti berikut:

*bersolek, berdandan, bercukur.*

Contoh-contoh di sini menggambarkan perbuatan yang dilakukan sebagai satu kebiasaan: *berjual* (beli), *berniaga*, *bertenun* (kain), *bersawah*, *berkebun*, *berladang*.

Awalan *beR-* juga boleh membawa makna menggunakan atau memakai, seperti *berkereta, berbaju*. Apabila diletakkan sebelum kata bilangan, awalan membawa makna kumpulan. Misalnya, *bersatu, berdua*. Demikian juga jika awalan ini diletakkan pada kata kuantiti *duyun* dan *ramai*, menghasilkan *berduyun-duyun, beramai-beramai*.

*meN* Awalan *meN-* mempunyai alomorf *me-, mem-, men-, meng-, menge-, meny-*.

Kata kerja dengan *meN-* merujuk kepada satu jenis perbuatan, termasuk perbuatan yang sebenar dan menunjukkan sikap atau keadaan. misalnya: *memasak, membaja, menari, mengacau, mengecat, menyambung*.

Kata kerja dengan *meN-*-merupakan kata kerja aktif.

*teR-* Awalan *teR-* mempunyai dua alomorf, iaitu *ter-* dan *te-*. Makna yang dibawa oleh kata kerja dengan awalan ini ialah seperti berikut:

- i. tak sengaja,
- ii. sudah berlaku atau sudah sedia ada,
- iii. upaya melakukan sesuatu,
- iv. perbuatan yang sia-sia.

Makna tak sengaja adalah makna yang paling kerap muncul dalam penggunaan bahasa.

Misalnya:

*termakan* (racun)

*tersepak* (batu)

*terpijak* (ekor kucing)

Makna sudah berlaku atau sudah sedia ada dapat dilihat dalam contoh-contoh berikut:

Pintu rumah didapati *terbuka*.

Peti itu *terkunci*.

Gambarnya *terpampang* di papan iklan.

Makna upaya hanya dapat dilihat apabila kata kerja dengan *ter-* didahului oleh kata nafi *tidak* atau *tak*. Misalnya:

*Tidak termakan* saya nasi sebanyak itu.

*Dia tidak terangkat* kotak yang berat itu.

Makna perbuatan yang sia-sia dibawa oleh kata kerja yang terdiri daripada kata dasar yang digandakan dan hanya dapat dikesan dalam ayat. *Ter-* dengan makna ini tidak begitu kerap digunakan. Misalnya:

*Terkejar-kejar* dia mencari buku itu tetapi tidak juga dapat.

- di-* Awalan *di-* merupakan penanda bagi kata kerja pasif. Berkaitan dengan itu juga, kata dasar bagi kata kerja ini hendaklah terdiri daripada kata kerja transitif. Semua kata kerja dengan *di-* berpasangan dengan kata kerja yang kata dasarnya sama tetapi yang mengambil awalan *meN-* seperti contoh-contoh berikut:

<i>ditulis</i>	menulis
<i>dibaca</i>	membaca
<i>dipakai</i>	memakai

### **6.2.2.2 Akhiran kata kerja**

Ada dua akhiran kata kerja iaitu *-i* dan *-kan*.

- i* Akhiran *-i* membawa makna menyebabkan seperti dalam ayat berikut:

*Baiki* tulisan kamu.

Makna menyatakan unsur tempat (lokatif) terdapat dalam:

*Turuni* gunung.

*Dekati* anak anda.

- kan* Kata kerja dengan akhiran *-kan* memberi makna menyebabkan seperti dalam ayat:

*Masukkan* buku itu ke dalam beg.

Makna melakukan sesuatu untuk faedah orang lain terdapat dalam ayat berikut:

*Belikan* saya nasi lemak.

### **6.2.2.3 Apitan Kata Kerja**

Ada dua apitan kata kerja iaitu *beR-an*, *beR-kan*, *meN-kan*, *meN-i*, *mempeR-kan*, dan *ke-an*.

*beR-an* Penggunaan *beR-an* dapat dilihat dalam bahasa canggih terutamanya bahasa sastera. Kata kerja dengan apitan ini membawa makna yang lebih intensif dan bunyinya juga lebih canggih. Bandingkan bentuk-bentuk kata kerja itu dalam ayat-ayat berikut:

Bunga-bunga *bertabur/bertaburan* di jalan raya.

Hatinya *berdebar/berdebaran* menunggu berita itu.

*beR-kan* Dalam bahasa sastera, kata kerja terbitan dengan awalan *beR-* yang bermakna menggunakan atau memakai, diberi akhiran *-kan* untuk membawa keindahan bunyi pada kata berkenaan seperti contoh-contoh berikut:

*berbantalkan* (lengan)

*bertilamkan* (rumput)

*berlampukan* (cahaya bulan)

*meN-kan* Apitan *meN-kan* boleh mendukung berbagai-bagai makna seperti contoh-contoh berikut:

- i. menyebabkan atau menjadikan,
- ii. melakukan sesuatu untuk seseorang,
- iii. menjadikan sebagai,
- iv. menggunakan sebagai.

Makna menyebabkan atau menjadikan didukung oleh *meN-kan* apabila kata

dasar pada kata kerja terbitan berkenaan merupakan kata kerja tak transitif dan adjektif seperti contoh-contoh berikut:

<i>mendatangkan</i>	menyebabkan (seseorang) datang
<i>menggerakkan</i>	menyebabkan (sesuatu) bergerak
<i>melicinkan</i>	menyebabkan (sesuatu) menjadi licin
<i>meninggikan</i>	menyebabkan (sesuatu) menjadi tinggi

Apitan *meN-kan* yang membawa makna membuat (sesuatu) untuk orang lain, ditambah kepada kata dasar yang terdiri daripada kata kerja transitif seperti contoh-contoh berikut:

<i>membelikan</i>	membeli (sesuatu) untuk seseorang
<i>membukakan</i>	membuka (misalnya pintu) untuk seseorang

Dengan menjadikan makna sebagai apitan *meN-kan* terdapat dalam kata kerja terbitan yang kata dasarnya kata nama seperti contoh-contoh berikut:

<i>merajakan</i>	menjadikan sebagai raja
<i>menamakan</i>	menjadikan sebagai nama

Apitan *meN-kan* yang membawa makna menggunakan terdapat dalam kata kerja terbitan yang kata dasarnya adalah kata nama yang merujuk kepada benda konkret seperti contoh-contoh berikut:

<i>mengipaskan</i>	menggunakan kipas
<i>meradiokan</i>	menggunakan radio
(untuk menghantar maklumat)	

Dengan makna memasukkan apitan *meN-kan* diletakkan sesudah kata dasar yang merujuk kepada tempat atau bekas seperti contoh-contoh berikut:

<i>mengetinkan</i>	memasukkan ke dalam tin untuk diawet
<i>menyekolahkan</i>	memasukkan ke sekolah

Jika ada makna memasukkan, maka ada juga makna mengeluarkan,

misalnya dalam contoh-contoh berikut:

*mengatakan*

mengeluarkan kata-kata

*melakukan*

mengeluarkan lagu (menyanyikan)

*meN-i* Apitan *meN-i* jauh lebih kerap terdapat dalam bahasa klasik seperti yang diwujudkan oleh bahasa hikayat dan syair dibandingkan dengan bahasa Melayu kini. Dalam bahasa klasik, apitan *meN-i* digunakan untuk membawa berbagai-bagai makna, yang sudah tidak digunakan lagi dalam bahasa Melayu kini.

Dalam bahasa Melayu kini, apitan *meN-i* masih digunakan tetapi dengan makna yang terhad dibandingkan dengan bahasa klasik. Apitan *meN-i* sekarang digunakan untuk membawa makna-makna berikut:

- i. bertindak sebagai,
- ii. menuju ke arah,
- iii. bergerak di atas,
- iv. merasakan,
- v. menyebabkan.

Contoh-contoh kata kerja terbitan dengan apitan *meN-i* yang membawa makna bertindak sebagai adalah seperti berikut:

*membintangi* (filem)

*mengetuai* (pasukan)

Seperti yang dapat dilihat dari contoh-contoh di atas, kata dasar bagi kata kerja itu merujuk kepada peranan orang, yakni peranan sebagai bintang filem dan sebagai ketua.

Dengan makna membawa ke arah, kata dasar bagi kata kerja itu adalah kata nama tempat, seperti berikut:

pinggir	<i>meminggiri</i>
belakang	<i>membelakangi</i>
atas	<i>mengatasi</i>

Apitan *meN-i* dengan makna ini juga terdapat dalam kata *melebihi*, *melampaui*. Dalam kata-kata seperti *menaiki*, *menuruni*, apitan *meN-i* membawa makna bergerak di atas sesuatu seperti contoh-contoh berikut:

<i>menaiki bukit</i>	berjalan naik (lereng) bukit
<i>menuruni tangga</i>	berjalan turun tangga

Dalam bahasa Melayu sehari-hari, frasa-frasa di atas diwujudkan sebagai *naik bukit* dan *turun tangga* sahaja.

Makna *merasakan* terdapat dalam contoh-contoh yang terhad seperti dalam kata *merasai* (yang merupakan variasi bagi *merasakan*), dan *menikmati*.

Demikian juga makna *memberi* atau *mengenakan*, yang terdapat dalam *mewarnai*. Kata-kata seperti *menggarami* dan *membungkusi* juga membawa makna yang dibincangkan ini, tetapi kata-kata itu tidak lagi digunakan dalam bahasa Melayu sekarang.

Makna *menjadikan* atau *membuat supaya* terdapat dalam contoh yang terhad, misalnya dalam *membaiki*.

*mempeR-* Apitan *mempeR-kan* boleh diletakkan sebelum kata dasar yang terdiri *kan* daripada kata kerja, adjektif, kata nama, atau kata bilangan. Pada amnya, makna yang didukung oleh kata kerja dengan apitan ini adalah menyebabkan dan menjadikan (sebagai) seperti contoh-contoh berikut:

<i>memperkenalkan</i>	menjadikan orang kenal satu sama lain
<i>mempertemukan</i>	menyebabkan (orang) bertemu
<i>mempersendakan</i>	menjadikan sebagai senda (gurau)

Kata-kata di atas semuanya terdiri daripada kata kerja transitif. Oleh yang demikian, jika kata-kata itu dijadikan kata kerja pasif, maka bentuknya adalah seperti berikut:

*diperkenalkan*

*dipertemukan*

*dipersendakan*

*ke-an* Apitan ke-an sebagai imbuhan kata kerja merupakan peninggalan bahasa lama, seperti dalam kata-kata *kepanasan*, *kelaparan* dan *kesejukan* yang terdapat dalam contoh-contoh ayat berikut:

Budak itu menangis kerana *kepanasan*.

Bencana itu menyebabkan banyak orang mati *kelaparan*.

### 6.2.3 Kata Kerja Ganda

Kata kerja ganda yang dibentuk daripada penggandaan hanya melibatkan kata dasar dan bukan imbuhan. Kata dasar yang terlibat boleh digandakan seperti berikut:

Seluruh kata digandakan, dengan syarat kata itu tidak diberi apa-apa imbuhan seperti contoh-contoh berikut:

*baring-baring*

*jalan-jalan*

*makan-makan*

Hanya kata dasar pada kata yang diberi imbuhan yang digandakan seperti contoh-contoh berikut:

*menunjuk-nunjuk*

*berdebar-debar*

*dinanti-nanti*

*bersalam-salaman*

Makna yang dibawa oleh penggandaan dalam contoh-contoh di atas adalah perbuatan yang berulang-ulang, yang berterusan, atau yang berbalasan.

#### **6.2.4 Kata Kerja Majmuk**

Kata kerja majmuk mudah dikenal pasti dengan adanya penggunaan imbuhan yang mengikat komponen-komponennya. Imbuhan yang ditambah kepada kata kerja majmuk boleh terdiri daripada:

beR	(bertanggungjawab, bersatu padu)
meN-	(mengambil alih, mengenal pasti)
meN-kan	(menyatupadukan, mengemaskinikan)
peN-	(penanggungjawab, penyatu padu)
peN-an	(pengambilalihan, pengemaskinian)

### **6.3 KATA KERJA BANTU**

Kata kerja bantu ialah sekumpulan kecil kata kerja leksikal dalam memberi ciri-ciri tertentu yang berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan dan juga dengan ciri suasana yang lematari perbuatan yang dilakukan.

Kata kerja bantu boleh dibahagikan selanjutnya kepada dua subsistem, iaitu kata kerja aspek dan kata kerja modalitas.

#### **6.3.1 Kata Kerja Aspek**

Kata kerja aspek ialah kata kerja yang memberi tumpuan kepada berlangsungnya sesuatu perbuatan atau keadaan dalam peredaran masa tetapi hendaklah diingat bahawa

pengertian masa yang dibawa oleh kata kerja bantu tidaklah seratus peratus sama dengan masa yang dibawa oleh sistem kala atau *tense* dalam bahasa Inggeris.

Dalam sistem kala, yang dipentingkan ialah masa atau ketika sesuatu perbuatan itu dilakukan. Oleh kerana itu, kata kerja yang menunjukkan perbuatan pada masa sekarang mempunyai bentuk yang berbeza dari segi morfologinya dengan kata kerja yang menunjukkan perbuatan pada masa yang sudah lalu. Kita dapat lihat gejala ini dengan jelas dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Dalam bahasa Melayu, yang dipentingkan ialah aspek sudah berlaku, sedang berlaku, masih berlangsung, atau belum berlakunya sesuatu perbuatan atau keadaan itu. Kata kerja aspek dapat berfungsi dengan kata kerja dan juga kata adjektif. Berdasarkan cara melihat perbuatan dan keadaan, kata kerja aspek dalam bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada tiga subsistem lagi, seperti yang terdapat dalam Jadual 6.1

**Jadual 6.1 : Subsistem Kata Kerja Aspek**

Subsistem	Kata Kerja
(a) Selesai Berlaku	sudah, dah (dalam bahasa lisan), pernah, telah (dalam bahasa formal dan bahasa tulisan sahaja)
(b) Berlangsung	masih, sedang, tengah (dalam bahasa lisan)
(c) Menunggu Berlaku	belum, akan, nak (dalam bahasa lisan)

Seterusnya Asmah Hj Omar (2008, phlm.125-126) turut mernghuraikan dengan lebih terperinci mengenai kata kerja ini seperti berikut:

- a) *Sudah* boleh berfungsi bersama dengan kata kerja perbuatan dan keadaan, serta juga dengan kata adjektif, seperti dalam *sudah bekerja, sudah tidur, sudah meninggal, sudah besar, sudah pandai*.

**Telah** hanya berfungsi dengan kata kerja perbuatan dan keadaan, tetapi tidak dengan kata adjektif, seperti dalam *telah bekerja, telah tidur, telah meninggal*.

**Pernah** boleh berlaku dengan kata kerja perbuatan dan secara terbatas dengan kata kerja keadaan, tetapi tidak dengan kata adjektif. Misalnya, dengan kata kerja perbuatan: *pernah bekerja, pernah pergi*; dengan kata kerja keadaan: seperti *pernah berada, pernah tidur (di rumah kawan), pernah sakit*.

- b) **Sedang** berfungsi dengan kata kerja perbuatan dan keadaan, tetapi tidak dengan kata adjektif. Misalnya, *sedang bekerja, sedang menguning* (bagi padi), *sedang tidur, sedang mimpi*. Pengecualian terdapat pada kata kerja keadaan tertentu yang tidak dapat mengambil *sedang* seperti *mati* dan *meninggal*.

**Masih** boleh berlaku dengan kata kerja perbuatan dan keadaan (kecuali kata-kata tertentu seperti *mati* dan *meninggal*), dan juga dengan kata adjektif. Misalnya, *masih bekerja, masih tidur, masih kecil*.

**Tengah** yang hanya digunakan dalam bahasa lisan, sama fungsinya dengan **sedang**.

- c) **Belum** boleh berfungsi dengan kata kerja perbuatan dan keadaan dan juga dengan kata adjektif, misalnya, *belum bekerja, belum meninggal, belum besar, belum tua*.

**Akan** boleh juga berfungsi sebagai kata kerja modalitas, tetapi sebagai kata kerja aspek, fungsi *akan* dapat dilihat dengan jelas apabila kata ini mendahului kata kerja keadaan dan kata adjektif, seperti dalam *akan luruh, akan mati, akan besar*.

**Nak** merupakan variasi bahasa lisan bagi *akan*, seperti dalam *nak luruh, nak mati, nak besar*.

### **6.3.2 Penggabungan Kata Kerja Aspek**

Penggabungan kata kerja aspek berlaku dalam subsistem dan antara subsistem.

Penggabungan dalam subsistem hanya berlaku dalam (a), iaitu antara *sudah* dan *pernah*, serta *telah* dan *pernah*, menghasilkan *sudah pernah*, *telah pernah*. Penggabungan ini membawa makna penegasan aspek kepada kata-kata kerja yang terdapat selepas kata bantu berkenaan. Penggabungan antara subsistem berlaku antara (a) dan (c), seperti yang dilihat dalam *belum pernah*. Makna yang dibawanya adalah juga penegasan aspek berkenaan.

### **6.3.3 Kata Kerja Modalitas**

Berbeza dengan kata kerja aspek, kata kerja modalitas lebih memntingkan “tujuan”, “niat” dan sebagainya. Berdasarkan ciri ini, maka kata kerja modalitas berfungsi dengan kata kerja utama sahaja dan tidak dengan kata adjektif. Subsistem-subsistemnya boleh dilihat di dalam Jadual 6.2

**Jadual 6.2 :Subsistem Kata Kerja Modalitas**

<b>Subsistem</b>	<b>Kata Kerja</b>
(a) Kehendak/Tujuan	mahu, mau (dalam bahasa lisan) hendak, nak (dalam bahasa lisan), akan, ingin
(b) Keupayaan	boleh, dapat
(c) Keizinan	boleh
(d) Kemestian	mesti, wajib, harus, kena (dalam bahasa lisan), hendaklah
(e) Kemungkinan	mungkin, boleh jadi, barangkali
(f) Kepastian	pasti, tentu
(g) Keperluan	perlu
(h) Kepatutan	patut
(i) Keengganan	enggan

### **6.3.4 Penggabungan Kata Kerja Modalitas**

Penggabungan kata kerja modalitas berlaku antara subsistem, iaitu antara subsistem kemestian dengan subsistem keupayaan dan kemungkinan. Penggabungan-penggabungan itu adalah *mesti boleh* dan *harus boleh* seperti contoh-contoh berikut:

- i. Kita *harus boleh* sampai hari ini.
- ii. Kita *mesti boleh* sampai ke peringkat separuh akhir.

### **6.3.5 Penggabungan Sistem Aspek dan Sistem Modalitas**

Penggabungan antara dua sistem ini terdapat dalam Aspek Modalitas seperti contoh-contoh berikut:

*sudah hendak, belum mahu, belum perlu, sudah harus, masih boleh, sedang hendak (pergi), belum tentu.*

## **6.4 Faktor Sosiolinguistik dalam BM**

Menurut Asmah(2008, hlm.44-51), sesuatu komuniti bahasa mempunyai peraturan sosialnya sendiri dalam penggunaan bahasa sehari-hari. Peraturan sosial ini mesti dipatuhi untuk menjaga hubungan baik antara penutur bahasa semasa berkomunikasi satu sama lain. Perbezaan taraf orang yang bercakap dengan orang yang dilawan bercakap memerlukan pemilihan kata bersesuaian untuk merujuk kepada diri masing-masing. Penggunaan ungkapan misalnya amat perlu dan berkehendakkan syarat yang perlu dipatuhi.

Tambah beliau lagi, ragam bahasa yang mementingkan perbezaan taraf sosial ini dikenali sebagai variasi sosial.

#### **6.4.1 Perbezaan Taraf Sosial**

Perbezaan taraf sosial boleh dilihat dari segi kelas sosial, hubungan keluarga, hubungan dalam jawatan , hubungan dalam sistem kemasyarakatan dan keagamaan. Perbezaan taraf sedemikian mewujudkan peraturan sosiolinguistik dalam hubungan antara anggota kelas yang berbeza. Peraturan ini perlu dipatuhi untuk memastikan adanya kesopanan dalam interaksi kebahasaan.

#### **6.4.2 Ragam Bahasa**

Dalam BM terdapat beberapa ragam bahasa sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Asmah (2008) iaitu;

- a) Bahasa Halus.

Merupakan kelainan bahasa yang menggambarkan perilaku sopan dalam penggunaannya, yang dapat dilihat dari segi pemilihan kata dan ungkapan, cara menyapa, dan sebagainya. Terdapat dua jenis bahasa halus;

- i) Bahasa Diraja.

Bahasa ini digunakan di kalangan kelurga diraja dan juga antara raja dan orang biasa. Bahasa diraja juga dikenali dengan bahasa istana. Dalam BM, variasi sosial yang paling ketara peraturannya dalam konteks interaksi antara kelas sosial ialah bahasa diraja sebagai lawan bahasa orang biasa atau orang kebanyakan.

Misalnya,

Raja akan menyebut dirinya sebagai *beta* atau *kita* dan orang kebanyakan akan menyapa raja sebagai *tuanku*.

- ii) Bahasa Halus Orang Biasa

Kehalusan bahasa diperlihatkan apabila berhubungan antara satu sama lain.

Ini berlaku dalam perhubungan antara pekerja di pejabat dan perhubungan antara orang biasa dengan orang berpangkat dalam bidang keagamaan dan profesional. Oleh kerana tiada senarai kata atau ungkapan khusus, kita akan menghindari penggunaan kata pada amnya dianggap kasar oleh masyarakat;

bahasa halus

kencing	→ buang air besar
muntah kedarah	→ untuk banyak makan

b) Bahasa Standard

Apabila terdapat variasi dalam masyarakat bahasa yang dikenali sebagai dialek, muncullah bahasa standard sebagai kelainan yang diterima oleh masyarakat pengguna bahasa berkenaan sebagai milik bersama. Bahasa standard berbeza dengan dialek bukan pada aspek-aspek asas dalam peraturan bahasa tetapi pada aspek-aspek tertentu sahaja. Ciri-ciri linguistik seperti nahu, perbendaharaan kata dan ejaan dikongsi bersama oleh penggunanya. Dengan itu, penutur pelbagai dialek dapat memahami bahasa standard. Bahasa standard biasanya digunakan dalam keadaan formal (bahasa formal). Penggunaan bahasa standard banyak terdapat dalam akhbar, buku akademik, majalah dan secara lisannya dalam ucapan, wawancara, forum, ceramah dan temuduga.

c) Bahasa Basahan

Bahasa basahan merupakan bahasa yang digunakan dalam percakapan sehari-hari dan dalam situasi yang tidak formal. Variasi bahasa ini tidak digunakan dalam tulisan kecuali dalam dialog drama atau dialog yang merupakan sebahagian daripada novel atau cerpen. Ayat-ayat dalam bahasa basahan kebiasaan tidak panjang dan sebahagian besarnya terdiri daripada ayat selapis. Ini kerana bahasa basahan tidak menggunakan seluruh ciri-ciri formal yang ada dalam bahasa. Ayat selapis yang digunakan juga sering dipendekkan, misalnya dengan

menghilangkan bahagian-bahagian tertentu seperti subjek, predikat atau adverba mengikut kesesuaian jalan cerita.

d) Bahasa Tinggi dan Bahasa Rendah

Menurut Charles Ferguson (dalam Asmah, 2008, hlm. 51), bahasa tinggi hendaklah terlebih dahulu merupakan bahasa standard. Bahasa tinggi juga digunakan dalam bidang ilmu dan sastera bertulis. Sebaliknya bahasa rendah merupakan bahasa yang belum mengalami proses penstandardan dan hanya digunakan dalam komunikasi sosial dalam masyarakat dan satera lisan.

Dalam BM, terdapat peraturan sosiolinguistik yang membezakan sama ada bahasa itu bahasa tinggi atau bahasa rendah. Peraturan dilihat pada aspek linguistik yang melibatkan pemilihan kata dan ayat, dan juga pragmatik yang menggunakan cara penyampaian mesej untuk menghasilkan kesan seperti yang diingini. Termasuk ciri-ciri budaya Melayu yang mementingkan kesopanan dan tingkah laku, dan bahasa sebagai sebahagian daripada tingkah laku penuturnya. Ini bermaksud penulisan ilmiah yang boleh dianggap sebagai bahasa tinggi dari aspek penggunaan istilah yang mendukung konsep-konsep ilmu. Tetapi jika penghujahannya kasar, maka bahasa ilmiah berkenaan tidak boleh dianggap sebagai pencerminan bahasa tinggi. Jelaslah bahasa tinggi menggabungkan ketinggian ilmu dengan ketinggian budi.

## **6.5 KESIMPULAN**

Bab ini menghuraikan tentang kata kerja BM iaitu jeni-jenis kata kerja yang terdiri daripada kata kerja transitif dan tak transitif. Sistem morfologi yang melibatkan kata kerja BM seperti imbuhan dan gandaan turut diterangkan satu persatu. Seperti sistem konjugasi kata kerja dalam BJ, pengimbuhan kata kerja memainkan peranan yang penting dalam BM , malahan lebih kompleks berbanding pengimbuhan pada kata nama dan kata sifat. Ini kerana setiap pengimbuhan yang berlaku akan memberi fungsi nahu yang berlainan. Namun begitu kata dasar masih tetap memainkan peranan penting terutamanya dalam aspek makna disamping kehadiran setiap imbuhan ini.

Disamping itu, dalam bab ini juga dijelaskan serba sedikit aspek sosiolinguistik dalam BM seperti ragam bahasa. Ini kerana aspek sosiolinguistik memainkan peranan yang penting dalam pemilihan padanan terjemahan.